

SESI DIALOG SEMINAR KKP

PANEL:

KETUA PENGARAH JKKP: YBhg. Dato' Ir. Mohtar Bin Musri

TIMBALAN KETUA PENGARAH (KESELAMATAN) JKKP: Ir. Hj. Omar Bin Mat Piah

TIMBALAN KETUA PENGARAH (KESIHATAN) JKKP: Tn. Hj. Zabidi Bin Dato' Md Adib

TARIKH :	9 Disember 2016	PENGERUSI:	Ir. Hj. Saiful Azhar bin Mohd Said.
TEMPAT:	Dewan Seminar Millenium Ballroom	REPORTOUR :	1. Nurul Fatimah Bayah 2. Muhamad Zuhaily

LAPORAN REPORTOUR

UCAPAN ALUAN KETUA PENGARAH:

1. Usaha dan tindakan perlu ditingkatkan oleh semua pihak yang berkaitan dengan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi mencapai kemalangan sifar di tempat kerja.
2. Masih terdapat ruang dan peluang untuk membuat penambahbaikan di pihak JKKP.
3. Semua pihak perlu memainkan peranan untuk memastikan keselamatan ditempat kerja.
4. Antara punca kemalangan ditempat kerja adalah kerana terdapat pihak yang gagal mengaplikasikan SOP/Peraturan yang sepatutnya dilaksanakan ditempat kerja.

ISU YANG DIBANGKITKAN:

BIL.	SOALAN	NAMA/SYARIKAT	JAWAPAN
1.	Terdapat kren menara yang ditinggalkan di kawasan pembinaan yang terbengkalai. Adakah terdapat peraturan yang perlu dipatuhi bagi kren menara yang ditinggalkan sedemikian? Apakah yang sepatutnya dilakukan?	En. Khairi (Dewan Bandaraya Kuching Utara)	<p>TKP(S) (1) Tiada peraturan yang diperuntukkan kepada pihak JKPP bagi mengawal kren yang ditinggalkan di tapak pembinaan yang terbengkalai.</p> <p>(2) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu melakukan sesuatu dengan menyediakan peruntukan bagi membuka kren menara di tapak pembinaan terbengkalai</p> <p>KP : Bagi setiap projek pembinaan, pihak PBT telah menetapkan satu pembayaran “<i>Bond Sum</i>” yang perlu dibayar oleh kontraktor kepada pihak PBT. Pihak PBT boleh menggunakan peruntukan tersebut bagi membuka kren menara dari tapak pembinaan terbengkalai.</p>
2.	Penglibatan syarikat dari China didalam projek dan industri di Malaysia semakin meningkat. Disebabkan itu, jumlah pekerja dan juga pihak pengurusan dari China bagi sesuatu projek telah meningkat. Dengan peningkatan pekerja dan pihak pengurusan dari China, ia telah menimbulkan masalah	En. Edward Victor (MCC Overseas)	<p>KP : (1) Pihak JKPP sedar terdapat cabaran dan bahaya baru ditempat kerja disebabkan meningkatnya penglibatan syarikat China di Malaysia. Ia juga telah menimbulkan masalah hubungan majikan dan pekerja.</p> <p>(2) Pihak JKPP telah menekankan perkara tersebut kepada pihak Kementerian Sumber Manusia.</p>

	komunikasi antara pekerja tempatan terutama <i>SHO</i> dengan pekerja dan pihak pengurusan dari China. Ini telah menyebabkan jumlah kemalangan telah meningkat ditempat kerja.		<p>(3) Buat masa ini, pihak JKPP masih menguatkuasakan undang-undang sediaada.</p> <p>(4) Pihak Kementerian Sumber Manusia perlu berbincangkan dengan pihak Kementerian Dalam Negeri berkaitan polisi membenarkan pekerja mahir dari luar Negara untuk bekerja di Malaysia.</p>
3.	<p>(1) Projek pembangunan Universiti Xiamen (Cawangan Malaysia) di Sepang yang menggunakan pekerja dan SHO dari China.</p> <p>(2) Aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) perlu bermula dari peringkat sekolah dan university. Pelajar perlu didedahkan dengan aspek KKP.</p>	En. Jarjit (Bidang pendidikan)	<p>TKP(H) : (1) Pihak JKPP telah melaksanakan program "<i>OSH in School</i>".</p> <p>(2) Akan tetapi, sekiranya untuk menambah subjek KKP di sekolah, pihak Kementerian Pendidikan menyatakan program di sekolah telah padat.</p> <p>(3) Untuk makluman, organisasi dan syarikat besar telah menjalankan program bagi menerapkan aspek KKP di kalangan pelajar seperti program mentor/mentee.</p> <p>(4) Pihak SHO boleh menawarkan diri untuk menjalankan program KKP di sekolah.</p> <p>(5) Pihak SHO juga perlu mengemukakan pendapat-pendapat yang membina sekiranya kemalangan berlaku di tempat kerja.</p>
4.	Bolehkah orang awam mendapatkan laporan siasatan kemalangan di tempat kerja daripada pihak JKPP.	En. Ravinder Singh (CAP)	<p>KP : (1) Laporan siasatan kemalangan di tempat kerja akan diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara. Jabatan Peguam Negara yang akan menentukan sama ada laporan siasatan boleh diterbitkan kepada orang awam ataupun tidak.</p>

			<p>(2) JKKP terikat dengan peruntukan undang-undang untuk tidak mendedahkan laporan siasatan tanpa kebenaran Peguam Negara.</p> <p>(3) Kebanyakan kes yang telah selesai, ringkasan laporan telah disiarkan dalam laman sesawang JKKP.</p>
5.	Formula bagi <i>Fatality Rate</i> per <i>manhour</i> atau <i>number of workers</i> ?	En. Mohd Ali (CJ Bio)	<p>TKP(S) Terdapat banyak formula fatality rate. Tetapi yang JKKP gunapakai adalah</p> $Fatality\ rate = \frac{number\ of\ fatalities\ x\ 1000}{annual\ average\ of\ No.\ employees}$
6.	<p>(1) Adakah SHO dilindungi di tempat kerja?</p> <p>(2) Adakah boleh dilonggarkan syarat CEP bagi kerja di lapangan?</p>	Tuan Haji Syukri (Konta Maju)	<p>TKP(H) : (1) Untuk makluman, terdapat pelbagai cara boleh dibuat untuk mendapatkan CEP.</p> <p>(2) Pihak JKKP cuba membantu untuk memudahkan tugas SHO.</p> <p>KP : (1) SHO perlu bekerjasama dengan pihak JKKP terutama terlibat dengan aktif aktiviti yang dianjurkan JKKP bagi meningkatkan prestij tugas SHO.</p> <p>(2) SHO perlu memberi pendapat yang membina kepada agensi berkaitan (JKKP, CIDB, JKR) SHO dapat melakukan tugas dengan bebas.</p> <p>(3) Satu badan bebas SHO dalam perancangan untuk ditubuhkan untuk melancarkan tugas SHO.</p>

7.	Kenapa kebanyakan pegawai JKKP yang datang lebih memilih teori dalam buku Akta untuk mengeluarkan NOI/NOP tanpa mengambil kira logic akal sedangkan dalam sesetengah isu logic akal perlu digunakan bebanding buku?	Soalan dalam Talian	TKP(S) : Pihak JKKP ada menyediakan (Enforcement Uniformity Modul) EUM sebagai rujukan Pegawai JKKP. EUM menjadi modul untuk Pegawai JKKP untuk membuat keputusan ketika menjalankan tugas penguatkuasaan.
----	---	---------------------	--